

LAPORAN TAHUNAN  
TERRACE RESIDENSI TEMAN

2013



# Di Handungan

## WILAYAH PERSEKUTUAN

PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN

PERSEKUTUAN

PERSEKUTUAN

PERSEKUTUAN

## PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

## PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

## PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

## PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA

PERSEKUTUAN MERDEKA


PERSEKUTUAN MERDEKA

## PERSEKUTUAN MERDEKA

## PERSEKUTUAN MERDEKA

# MAKLUMAT KORPORAT

FUNGSI LEMBAGA	01
PENASIHAT	01
PENGURUS	02
AHLI LEMBAGA	03
KEMPUAN PENGURUSAN	04




## MAKLUMAT KORPORAT

### FUNGSI LEMBAGA

Fungsi-fungsi Lembaga seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen penubuhannya adalah seperti berikut:

- a. Melaksanakan segala fungsi Kerajaan Tempatan di dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- b. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- c. Memajukan dan menggalakkan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman sebagai kawasan bebas duti;
- d. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersil dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman; dan
- e. Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam perenggan (b), (c) dan (d) dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.



**PENASIHAT**

Y.A Bhg Tun  
Dr. Mahathir bin Mohamad



**PENERUSI**

YAB Dato' Seri Diraja  
Haji Adnan bin Haji Yaakob  
(Menteri Besar Pahang)


## AHLI LEMBAGA



YB Dato'  
Maznah binti Mazlan



Y.H Dato' Setia  
Wangsa Pahang  
Dato' Mustafa Bin Abu Bakar



Y.M Dato'  
Tengku Alaudin Bin  
Tengku Abd. Majid



Y.H Dato' Haji Wan  
Abdullah  
Bin Haji Wan Salleh



Y.H Dato' Haji  
Md. Rusli Bin Ismail



Y.Bhg. Datuk  
Dr. Ong Hong Peng  
(Ketua Setiausaha Kementerian  
Pelancongan Malaysia)



Y.Bhg. Datuk  
Mohd Hashim Bin Abdullah  
(Ketua Setiausaha Kementerian  
Pertanian dan  
Industri Asas Tani Malaysia)



Y.H Dato' Yusoff bin Yahya  
(Perbendaharaan  
Malaysia,  
Kementerian Kewangan)

## KUMPULAN PENGURUSAN




**Pengurus Besar**  
Y.H Dato' Haji  
Hashim bin Mat Tahir




**Pengurus Perbandaran  
dan Kerajaan Tempatan**  
Encik Borharuddin  
bin Wan Chik



**Pengurus perancangan  
dan Pembangunan Projek**  
Tuan Haji Ahmad Faudzi  
bin Abd. Majid




**Pengurus  
Khidmat Pengurusan**  
Puan Nor Zaihan  
binti Othman



**Pengurus  
Pembangunan Masyarakat**  
Puan Nazratul Azra  
binti Tukirin

# PENGURUSAN ORGANISASI

HALA TUJU STRATEGIK	03
PENTADBIRAN DAN PERIAWATAN	06
USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI	08
PENGUNCIAN SEMANGAT BERPASUKAN	08
DAN PENINGKATAN MOTIVASI	
ICT DALAM PENGURUSAN	11
KERANGAN	13



# PENGURUSAN ORGANISASI

## HALA TUJU STRATEGIK

### Visi

Untuk menjadi peneraju utama yang progresif, dinamik dan berdaya maju bagi melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

### Misi

Melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman dengan cekap dan berkesan untuk menjamin kesejahteraan penduduk dan pelancong.

### Teras Strategik

- Memastikan pengurusan sumber asli yang mampan.
- Mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
- Memperkasakan keupayaan modal insan.
- Merealisasikan potensi pembangunan pelancongan.
- Melaksanakan transformasi jentera pentadbiran.

## PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN

### Perjawatan

Kedudukan perjawatan Lembaga Pembangunan Tioman pada 31 Disember 2013 adalah seperti Jadual di bawah:-

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH LULUS	PENGISIAN				JUMLAH
		TETAP	KONTRAK		SAMBILAN	
			BERWARAN (Contract Of Service)	TIDAK BERWARAN (Contract For Service)		
Pengurusan & Profesional	5	1	4	0	0	5
Pelaksana	38	31	4	13	0	48
<b>JUMLAH</b>	<b>43</b>	<b>32</b>	<b>8</b>	<b>13</b>	<b>0</b>	<b>53</b>

Jadual 1: Kedudukan Perjawatan Tahun 2013

Jawatan yang telah diluluskan kepada Lembaga oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan Malaysia sehingga tahun semasa adalah sebanyak 43 jawatan. Walau bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2013, satu jawatan Pembantu Tadbir Rendah, Gred N11/N14 telah luput disebabkan penyandangannya telah meletakkan jawatannya di Lembaga ini pada 14 Ogos 2013.

Satu (1) jawatan masih kekal belum diisi iaitu Pemandu Kenderaan, Gred R6 yang merupakan jawatan kenaikan pangkat di mana Lembaga masih belum mempunyai Pemandu Kenderaan, Gred R3 tetap yang berkelayakan untuk dilantik ke jawatan tersebut.

Mulai 2 Januari 2013, Lembaga telah melantik seorang anggota perkhidmatan secara tetap bagi mengisi kekosongan jawatan Pembantu Kesihatan Awam (Gred U17) dan dalam pada masa yang sama beliau telah diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) bagi tempoh dua (2) tahun sehingga 31 Disember 2014 untuk mengikuti kursus di Institut Kesihatan Awam Batu Rakit, Terengganu bagi mendapatkan Sijil Kesihatan Awam untuk memenuhi syarat lantikan ke Skim Perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam, Gred U17.

Selain daripada itu, pekerja "Contract For Service" turut dilantik oleh Pengurusan Lembaga terdiri daripada anggota lantikan sambilan dan juga lantikan baru bagi menampung kekurangan jawatan yang diluluskan kepada Lembaga di

dalam melaksanakan fungsi-fungsinya dengan berkesan mengikut keperluan beban tugas semasa.

### Kursus / Bengkel / Latihan

Dalam tahun semasa, sebanyak 24 program-program kursus/ bengkel/ latihan anjuran pelbagai jabatan di peringkat negeri, persekutuan serta anjuran bersama Lembaga telah dihadiri oleh anggota perkhidmatan Lembaga. Antara kursus/bengkel/latihan tersebut adalah berkaitan dengan usaha-usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam, pemantapan nilai-nilai murni dan kecemerlangan dalam perkhidmatan awam, peningkatan integriti, usaha-usaha pembudayaan kualiti yang meliputi Amalan Kualiti ISO, Persekitaran ICT berkaitan Sistem Pengurusan HRMIS dan juga kursus-kursus perkhidmatan. Statistik kehadiran kursus anggota perkhidmatan Lembaga bagi tahun 2013 adalah seperti dalam Jadual 2.

Bil	Bil Hari	Bil Anggota	Peratus
1	10	1	1.8
2	9	1	1.8
3	8	1	1.8
4	7	2	3.6
5	6	6	10.9
6	5	4	7.3
7	4	6	10.9
8	3	5	9.1
9	2	7	12.7
10	1	5	9.1
11	0	17	30.9
<b>JUMLAH</b>		<b>55</b>	<b>100%</b>

Jadual 2: Statistik Kehadiran Kursus/Bengkel/Latihan Tahun 2013

Dalam tahun ini pencapaian menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun menurun kepada 9.1% berbanding tahun lalu sebanyak 18.2%. Walaubagaimanapun, penyertaan dalam kursus di antara 1 hingga 6 hari setahun meningkat daripada 36.36% bagi tahun 2012 kepada 60% pada tahun 2013. Ini adalah kerana pengurusan Lembaga telah mengadakan kursus Pengurusan Aset Kerajaan secara dalaman dengan kerjasama pihak INTAN Kemaman selain daripada kursus-kursus anjuran pelbagai jabatan di peringkat negeri dan juga persekutuan. Perancangan yang lebih baik akan dilaksanakan bagi memastikan peratusan menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun meningkat pada tahun akan datang terutamanya melalui penganjuran kursus secara dalaman.

### Penempatan Pelatih

Dalam tahun 2013, seramai 8 orang pelatih telah mengikuti latihan praktikal di Lembaga Pembangunan Tioman untuk tempoh lima (5) bulan.

## **USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI**

### **Pensijilan MS ISO 9001 : 2008**

Pengurusan Lembaga telah mengadakan satu Bengkel Khas bagi Pengemaskinian dan Semakan Manual Kualiti dan Prosedur Kualiti serta Pre-Audit. Bengkel ini telah diadakan pada 26 Mac 2013 hingga 29 Mac 2013. Pada 10 April 2013 hingga 12 April 2013 latihan tambahan bagi kakitangan Lembaga Pembangunan Tioman untuk memantapkan dan kesediaan ke arah Pre-audit dari Badan Persijilan telah diadakan.

### **Amalan Sistem Persekitaran Berkualiti 5S**

Kerja-kerja penambahbaikan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S telah dilaksanakan di Lembaga Pembangunan Tioman. Proses penambahbaikan ini akan dilaksanakan sehingga Lembaga memperoleh sijil Amalan Persekitaran Berkualiti 5S

### **Pemantapan Dokumen Manual Prosidur Kerja dan Fail Meja**

Sehingga akhir tahun semasa, Dokumen Kualiti yang telah diwujudkan oleh Bahagian-Bahagian / Unit-unit di Lembaga untuk tujuan persijilan MS ISO 9001 : 2008 tidak digunapakai di Lembaga . Manual Prosedur Kerja dan fail Meja bagi anggota perkhidmatan Lembaga . Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi anggota perkhidmatan Lembaga akan dikemaskini dan diselaraskan mengikut dokumen Kualiti MS ISO 90014:2008 setelah ianya digunapakai oleh Lembaga

## **PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI**

### **Majlis Bersama Jabatan**

Dalam tahun 2013, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Lembaga Pembangunan Tioman dapat dilaksanakan sebanyak dua (2) kali sahaja. Pengurusan Lembaga akan berusaha melaksanakan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan ini sebanyak empat (4) kali setahun mengikut takwim yang telah ditetapkan pada tahun hadapan.

## Program Utama

### *Aktiviti Kelab*

Lawatan sambil belajar ke Pulau Langkawi oleh pihak Kelab Keluarga dan Kebajikan Lembaga Pembangunan Tioman merupakan aktiviti tahunan yang telah dijalankan pada tahun 2013. Lawatan ini mendapat sokongan penuh daripada pihak pengurusan Lembaga Pembangunan Tioman yang mana lawatan ini telah memberi pendedahan dan pengetahuan dalam kepesatan pembangunan di Pulau Langkawi khususnya dalam bidang Pelancongan kepada 30 orang ahli kelab merangkap kakitangan Lembaga Pembangunan Tioman serta 53 orang ahli keluarga. Dengan adanya penglibatan daripada ahli dan ahli keluarga ini, program ini juga dapat mengeratkan silaturahim sesama ahli dan juga mengeratkan tali kekeluargaan antara ahli keluarga.



Ahli dan Ahli Keluarga yang terlibat dalam Lawatan Ke Pulau Langkawi

### *Penambahbaikan Pentadbiran*

Bahagian Perbandaran Dan Kerajaan Tempatan (BKT) melaksanakan usaha peningkatan dan penambahbaikan pentadbiran bahagian secara berterusan supaya penyampaian perkhidmatan kepada penduduk lebih efektif dan berkesan. Sehubungan dengan itu, sasaran kerja tahunan sentiasa ditetapkan kerana ia merupakan perkara yang sangat penting dalam mengukur keberkesanan penyampaian kepada penduduk di Pulau Tioman.

Dalam tahun 2013, penyusunan semula tugas dan tanggungjawab anggota telah dilakukan bagi meningkatkan keberkesanan kerja-kerja kebersihan di Pulau Tioman. Kerja-kerja pengurusan kebersihan ini dibahagikan mengikut kumpulan dan seorang ketua dilantik untuk memastikan semua anggota bagi setiap kumpulan tersebut menjalankan tugas dengan sempurna supaya kualiti kerja dan tahap kebersihan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa.

Perlaksanaan kerja-kerja kebersihan ini dibuat setiap hari bekerja. Bahagian ini juga mengemaskini laporan aktiviti di Tioman yang dilaksanakan dan di masukkan ke dalam Website Lembaga.

Disamping itu, BKT juga meneruskan anugerah Pekerja Cemerlang bagi anggota yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik. Penilaian kerja anggota adalah mengikut kriteria-kriteria seperti berikut :-

- a. Tahap disiplin setiap anggota di tempat kerja;
- b. Kualiti dan kuantiti kerja yang tinggi;
- c. Kebolehan melakukan lebih daripada satu kerja;
- d. Komitmen terhadap kerja lebih masa seperti yang diarahkan oleh penyelia;
- e. Kebolehan berkerjasama dengan anggota yang lain; dan
- f. Jujur dan amanah.



#### *Pasukan Tindakan Khas*

Pada tahun 2013, Pasukan Tindakan Khas sentiasa berada dalam siapsedia bagi menghadapi sebarang kejadian atau kes-kes kecemasan yang berlaku di Pulau Tioman. Pengwujudan pasukan ini memberi impak yang positif dalam membantu mengendalikan kerja-kerja kecemasan dengan cepat dan cekap ke arah perkhidmatan yang berkesan kepada penduduk. Dari semasa ke semasa, pemantauan juga dibuat oleh penyelia-penyelia di sekitar Kg. Tekek sekiranya terdapat aduan daripada penduduk yang memerlukan tindakan

awalan pembaikan dan pemulihan. Sepanjang tahun 2013, Kerja-kerja tindakan khas adalah seperti di dalam jadual 3.

BIL	KERJA-KERJA TINDAKAN KHAS	TARIKH
1.	Kerja-kerja bantuan terhadap mangsa banjir kilat.	5 Februari
2.	Kerja-kerja pemotongan pokok rhu berdekatan Pusat Taman Laut.	Januari
3.	Kerja-kerja pembersihan Sungai Tekek.	6 Jun 13
4.	Kerja-kerja pemotongan dan pemangkasan dahan-dahan pokok di sepanjang jalan dari Dewan ke simpang 3, Kg. Tekek	8 – 9 Jun
5.	Kerja-kerja pembersihan di surau Air Terjun Asah, Kg. Mukut	2 Julai
6.	Kerja-kerja pembaikan saluran kumbahan di Kompleks Salang.	2 Julai 12 Nov.
7.	Kerja-kerja kebersihan di Kompleks Salang dan sekitarnya.	16 Ogos 19 Sept. 11 – 13 Nov.

Jadual 3 : Kerja-kerja Pasukan Tindakan Khas, Lembaga Pembangunan Tioman



## ICT DALAM PENGURUSAN

### Laman Web Lembaga

Dalam usaha untuk mencapai sasaran penarafan 5 bintang, Pengurusan Lembaga telah berusaha untuk memenuhi kriteria yang diperlukan. Diantara kriteria yang telah ditambah di dalam Laman Web Lembaga ini ialah :-

### 1. Aduan Awam secara online

Dengan adanya borang aduan atas talian ini, aduan awam boleh dibuat oleh orang ramai pada bila-bila masa. Pengguna / orang ramai hanya perlu memasukkan no. Kad Pengenalan untuk tujuan rujukan dan



alamat email untuk tujuan maklum balas terhadap aduan tersebut.

### 2. Koleksi Video

Memaparkan koleksi video yang berkaitan dengan Pulau Tioman

### 3. Keratan akhbar


Pengumpulan keratan akhbar yang berkaitan dengan Pulau Tioman.

### 4. Koleksi gambar

Memaparkan gambar aktiviti yang telah diadakan di Pulau Tioman.


### 5. Personalisation

Fungsi ini membolehkan pengguna terus kepada kumpulan spesifikasi mereka yang mana ianya membolehkan pengguna terus mencapai informasi yang dikehendaki. Personalisation yang telah diadakan di dalam laman web ini ialah kepada Warga LPT, orang awam dan juga pelancong. Dengan



hanya mengakses kepada pautan kategori ini, pengguna tersebut akan di bawa terus kepada senarai informasi dan fungsi yang boleh digunapakai olehnya.

Dengan adanya penambaikan yang telah dibuat dalam tahun semasa, laman web Lembaga telah mendapat score sebanyak 65 mata dan diberi pengiktirafan 4 bintang melalui *Malaysia Goverment Portals And Website Assesment (MGGPWA)* yang telah dibuat oleh pihak *Multimedia Development Corporation (MDeC)*



### Pengurusan Sistem HRMIS

Bagi tahun semasa, kriteria yang dinilai dalam KPI HRMIS 2013 adalah sama seperti 2012. Modul-modul tersebut adalah Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan (20%) , data Perjawatan (20%), Sasaran Kerja Tahunan (SKT) (20%) , Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) (20%) dan Perisytiharaan Harta (20%). Pencapaian KPI HRMIS bagi Lembaga Pembangunan Tioman sehingga 31 Disember 2013 adalah 75%. Walaubagaimanapun, angka ini belum mengambil kira 20% lagi markah yang akan disumbangkan oleh submodul Laporan Nilai Prestasi Tahunan.

### KEWANGAN

#### Terimaan

Bagi tahun 2013 terimaan Lembaga adalah seperti dalam jadual 4.

BIL	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	Hasil Cukai	411,048.00
2.	Hasil Bukan Cukai	221,943.00
3.	Faedah Di Terima	88,130.00
4.	Pemberian Kerajaan	2,777,599.00
<b>JUMLAH</b>		<b>3,948,720.00</b>

Jadual 4 : Terimaan Bagi Tahun 2013

## Prestasi Pengurusan Hasil

Bagi tahun semasa prestasi kutipan hasil cukai, lesen dan sewaan berbanding dengan dua tahun sebelumnya adalah seperti dalam jadual 5.

TAHUN	CUKAI	LESEN	SEWAAN	JUMLAH
2011	411,709	72,060	61,843	565,612
2012	411,806	86,259	80,820	578,885
2013	411,048	85,427	79,516	575,991

Jadual 5 : Perbandingan prestasi kutipan hasil

Jadual 5 diatas menunjukkan bahawa prestasi kutip hasil pada tahun ini tidak banyak berbeza dengan pencapaian dua tahun sebelumnya. Namun begitu bagi mempertingkatkan lagi jumlah kutipan hasil pelaksanaan kutipan luar ke premis-premis berkaitan dibuat secara berterusan setiap minggu.

## Perbelanjaan

Perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun 2013 adalah seperti jadual dibawah :

BIL	BUTIR PERBELANJAAN	JUMLAH DIBELANJA (RM)
1.	Belanja Mengurus	3,416,652.00
2.	Belanja Pembangunan	106,096.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>3,522,748.00</b>

Jadual 6 : Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Lembaga Pembangunan Tioman Tahun 2013


## Akaun

Penyata Kewangan Beraudit Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun Berakhir 31Disember 2013 adalah seperti dilampiran.

# PENGURUSAN SUMBER ASLI

KAWALAN PEMBANGUNAN  
PENGURUSAN ESD SISTEM NARIN

15  
19



## **PENGURUSAN SUMBER ASLI**

### **KAWALAN PEMBANGUNAN**

#### **Permohonan Tanah**

Dalam tahun semasa 5 permohonan perihal tanah telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapat kelulusan dan masih di dalam peringkat pertimbangan. Permohonan tersebut ialah :-

- (i) Pemberimilikan Tanah Kerajaan seluas 2.10 Hektar di Bukit Penak, Tioman untuk kegunaan getah (pertanian);
- (ii) Pemberimilikan Tanah Kerajaan di Kg. Tekek seluas 1.987 ha bagi kegunaan tapak pengurusan sisa pepejal ;
- (iii) Pemberimilikan Tanah Kerajaan di Tekek seluas 1600 meter persegi bagi kegunaan bangunan (Perniagaan);
- (iv) Pemberimilikan Tanah Kerajaan di Ruang Tengah Kg. Tekek mukim Tioman seluas 1.00 hektar bagi kegunaan bangunan (Kediaman); dan
- (v) Menukar kategori tanah dari pertanian (kelapa) kepada bangunan (perniagaan resort) bagi GM 547 (Lot 5063) di Paya, Mukim Tioman Daerah Rompin.

#### **One Stop Centre (OSC)**

Dalam tahun 2013, Lembaga tiada menerima sebarang permohonan pembinaan baru.

### **PENGURUSAN EKO-SISTEM MARIN**

Kajian Conserving Marine Biodiversity Through Enhanced Marine Park Management And Inclusive Sustainable Island Development di bawah kendalian Jabatan Taman Laut telah mendapat lanjutan masa sehingga 30Jun 2013.

Institut Maritim Malaysia (MIMA) masih diperingkat menyiapkan kajian projek perintis Limit of Acceptable Change bagi perancangan dan pengurusan Taman Laut Tioman. Laporan akhir belum siap sepenuhnya.

# KUALITI HIDUP MASYARAKAT

INFRASTRUKTUR FIZIKAL	16
KEHADAPAN SOSIAL	17
PENGURUSAN KESEHATAN	18
PENGURUSAN SISA PEPEJAL	23



## KUALITI HIDUP MASYARAKAT

### INFRASTRUKTUR FIZIKAL

#### Bekalan Air

Kerja pemasangan paip dari Pusat Taman Laut ke Kg. Salang masih diperingkat mendapatkan izin masuk dari pemilik tanah persendirian.

#### Telekomunikasi

Telekom Malaysia (TM) menyediakan kemudahan telekomunikasi sebanyak 840 talian menggunakan kemudahan 'radio direct feed' di semua penempatan utama kecuali di Kg. Mukut yang menggunakan sistem 'Code Division Multiple Acces' (CDMA). Di samping itu, sebanyak 45 talian kemudahan telefon awam juga telah disediakan.

Dalam tahun semasa semua kampung utama di Pulau Tioman telah mendapat perkhidmatan telefon selular yang disediakan samada oleh pihak TM, Digi, Celcom atau Maxis. Kemudahan internet – streamyx (Kg. Tekek sahaja) dan broadband juga disediakan di semua kampung.

#### Penyelenggaraan Kemudahan

Dalam Tahun semasa, beberapa penyelenggaraan kemudahan telah dilaksanakan sepertimana di jadual 7 dibawah.

BIL	PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
1.	Kerja-kerja pembersihan kiri kanan pagar & kawasan perkuburan Kg. Juara serta lain-lain kawasan perkuburan Kg. Juara serta lain-lain kerja yang berkaitan.	4.2.2013	4.3.2013
2.	Kerja-kerja membersihkan trek laluan jalan kaki (Jungle trekking) dr Kg. Tekek ke Kg. Juara.	19.8.2013	17.9.2013
3.	Kerja-kerja Membaikpulih dan Membaiki Kawasan dataran Tioman serta lain-lain kerja yang berkaitan.	8.7.2013	29.7.2013
4.	Kerja-kerja Membaiki dan Membaikpulih Jambatan Sg. Tekek serta lain-lain Kerja yang berkaitan di Kg. Tekek.	8.7.2013	5.8.2013
5.	Kerja-kerja Membaiki Kerosakan Infrastruktur di sepanjang Pantai Kg. Tekek serta kerja kerja yang berkaitan di Kg. Tekek.	1.10.2013	22.10.2013
6.	Cadangan kerja-kerja Menaiktaraf kawasan Pintu Masuk Kg. Tekek Serta Lain-lain Kerja-kerja berkaitan di Kg. Tekek, Pulau Tioman.	11.11.2013	11.1.2014

Jadual 7 : Senarai penyelenggaraan yang telah dijalankan pada tahun semasa

## KEMUDAHAN SOSIAL

### Perumahan

Dalam tahun semasa bilangan penduduk di Pulau Tioman ialah 3,314 orang manakala bilangan rumah ialah 687 buah seperti dalam Jadual 8.

Kampung	Bil. Rumah	Bil. Penduduk
Salang	36	279
Air Batang dan Tekek	459	2,092
Paya, Genting dan Lanting	86	435
Mukut	41	225
Juara	62	283
<b>Jumlah</b>	<b>687</b>	<b>3,314</b>

Jadual 8 : Bilangan Penduduk dan Kediaman Tahun 2013

Cadangan Pembinaan 116 unit rumah cluster bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dimiliki Kg. Tekek di bawah Jabatan Perumahan Negara telahpun dimulakan. Pembinaan rumah contoh sedang berjalan di tapak. Projek ini di jangka siap pada Ogos 2014.



### Ruang Niaga

Pelbagai jenis perniagaan dijalankan di penempatan-penempatan dimana kebanyakannya adalah bersaiz kecil yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Bilangan dan jenis perniagaan yang dijalankan dalam tahun semasa adalah seperti Jadual 9.

Bil	Nama Kampung	Dive shop	Hiburan dan Rekreasi	Makanan	Perkhidmatan	Tred Pelbagai	Perusahaan	Jumlah
1.	Salang	4	-	11	21	7	-	43
2.	Air Batang	4	-	12	16	10	-	42
3.	Tekek	6	4	37	22	36	5	110
4.	Paya	3	2	6	5	6	-	22
5.	Genting	1	-	19	14	6	-	40
6.	Mukut	1	-	8	7	5	-	21
7.	Juara	2	-	14	4	6	1	27
	<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>6</b>	<b>107</b>	<b>89</b>	<b>76</b>	<b>6</b>	<b>305</b>

Jadual 9 : Ruang Niaga Di Pulau Tioman

Selain itu, terdapat Cadangan Pembinaan Kompleks Pintu Masuk Kg. Tekek dari syarikat DR Group Holdings Sdn. Bhd. Sehingga kini, pendaftaran pajakan tanah kepada syarikat ini sedang di dalam proses oleh Pejabat Tanah.

### Kemudahan Masyarakat

Kompleks Pendidikan Kg. Tekek telah siap sepenuhnya dan sudah mula di gunapakai. Tempoh liabiliti kecacatan telahpun tamat pada 18 Mac 2013.

## PENGURUSAN KESIHATAN

### Kawalan Penyakit

Kawalan penyakit di Pulau Tioman dilakukan secara berterusan bersama-sama anggota Pejabat Kesihatan Daerah Rompin bagi mencegah kejadian penyakit Demam Denggi serta lain-lain penyakit yang

BIL	KAWASAN	TARIKH
1.	Semburan nyamuk di Kg. Tekek	18 Mac
2.	Semburan nyamuk di Kg. Mukut	29 Mei
3.	Semburan lalat di tapak insinerator dan kawasan berdekatan	31 Mei – 2 Jun

berpunca daripada nyamuk dan serangga yang lain.

Dalam tahun ini pihak

lembaga telah menjalankan kerja-kerja semburan asap (fogging) di beberapa kawasan seperti dalam jadual 10.

Jadual 10 : Kerja-kerja semburan asap bagi kawalan penyakit bawaan vektor tahun 2013



kerja-kerja semburan asap (fogging) bagi kawalan nyamuk

### **Kes Penyakit Sarcocystosis**

Dalam tahun ini tiada kes baru bagi Penyakit Sarcocystosis dilaporkan. Walaubagaimanapun, surveilans dan kawalan terhadap penyakit ini dibuat secara berterusan bagi mengelakkan ianya berulang. Beberapa langkah kawalan telah dilaksanakan termasuk :-

- a) Persampelan air secara berkala di beberapa intake di Kg. Salang dan Loji Air, Kg. Tekek oleh Jabatan Kesihatan 2 kali sebulan;
- b) Kajian pengesanan kes secara aktif dan pasif kepada pelancong dan penduduk dijalankan bagi mengesan tanda-tanda/ gejala untuk ujian eosinophil;
- c) Kajian pengklorinan air telah dilaksanakan di Loji air Kg. Tekek dan Kg. Salang;
- d) Aktiviti penerangan kepada penduduk, pelancong dan pengusaha pusat pelancongan berkaitan penyakit ini dan bekalan air di Pulau Tioman; dan
- e) Pengagihan risalah-risalah kesihatan di chalet-chalet, restoran-restoran dan tempat awam.

### **Kempen Kawalan Tikus**

Pelancaran kempen kawalan tikus peringkat Pulau Tioman telah dirasmikan oleh ADUN Kawasan Tioman, YB Kapt (B) Dato' Hj. Mohd Johari b. Hj. Hussin di Kg. Mukut pada 24 Ogos 2013. Kempen ini bertujuan untuk :-

- a) Meningkatkan kesedaran dikalangan masyarakat mengenai penyakit bawaan tikus (leptospirosis);
- b) Membersihkan kawasan yang dipercayai menjadi tempat pembiakan tikus supaya populasi tikus dapat dikurangkan; dan

- c) Meningkatkan semangat gotong-royong dikalangan masyarakat bersama-sama agensi kerajaan untuk kepentingan negara.

Seramai 158 orang telah menghadiri kempen ini yang terdiri daripada anggota Jabatan Pertahanan Awam, TNB, Jabatan Kesihatan, Pejabat Veterinar, MAB, Belia Kg .Tekek, pengusaha resort/chalet, penduduk kampung, sukarelawan dan media. Diantara aktiviti yang telah dilaksanakan di dalam kempen ini adalah seperti berikut:-

- a) Semburan asap;
- b) Membersihkan bangunan surau, gerai dan tandas;
- c) Mencuci longkang dan mesin rumput;
- d) Membersihkan kawasan air terjun Asah; dan
- e) Mencakar daun-daun kering, mengutip tin-tin, botol-botol dan sebagainya.




### Kawalan Mutu Makanan

Pada tahun 2013, sebanyak 74 buah premis makanan telah diperiksa oleh Pegawai Lembaga bersama-sama dengan Pegawai daripada Pejabat Kesihatan Daerah Rompin. Penggredan diberikan mengikut markah seperti berikut :- Gred A : 90% - 100%, Gred B : 75% - 89% dan Gred C : 65% - 74%


BIL	NAMA KAMPUNG	BILANGAN PREMIS	PREMIS (buah)		
			GRED A	GRED B	GRED C
1	Kg. Salang	8	3	5	-
2	Kg. Tekek	38	16	18	4
3	Kg. Paya	4	1	3	-
4	Kg. Genting	10	1	8	1
5	Kg. Mukut	7	3	4	-
6	Kg. Juara	7	3	4	-
<b>Jumlah</b>		<b>74</b>	<b>27</b>	<b>42</b>	<b>5</b>

Jadual 11 : Premis-premis makanan yang diperiksa




Rajah 1 : Tahap kebersihan Premis Makanan Di Pulau Tioman Bagi Tahun 2013

Pemeriksaan dan penggredan premis makanan di Pulau Tioman menunjukkan peningkatan terhadap tahap kebersihan premis pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya kerana terdapatnya pertambahan premis yang memperoleh gred A dan pengurangan premis yang memperoleh gred B dan C.



Rajah 2 : Perbandingan Premis Yang Memperoleh Gred Mengikut Tahun

Bagi pengendali makanan, sebanyak 204 kad telah dikeluarkan pada tahun ini berbanding 355 kad dalam tahun 2012. Jumlah pengeluaran kad ini bergantung kepada bilangan pengendali makanan yang baru yang bekerja di sesebuah premis makanan. Semua pengendali makanan diwajibkan mendapat suntikan typhim IV setiap 3 tahun bagi mengelakkan daripada berlakunya penyakit demam kepialu (*Typhoid Fever*) iaitu penyakit berjangkit bawaan air dan makanan. Perbandingan pengeluaran bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti dalam rajah 3.



Rajah 3 : Perbandingan Pengeluaran Kad Pengendali Makanan Mengikut Tahun

### Promosi Kesihatan

Dalam tahun 2013, Acara Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco-Challenge masih meneruskan Program Jiwa Murni sebagai aktiviti sampingan bagi promosi kesihatan terhadap penduduk di Pulau Tioman. Program ini dikendalikan oleh Pasukan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia bersama-sama anggota Klinik Kesihatan, Kg. Tekek. Perkhidmatan yang telah diberikan adalah berkhatan, pemeriksaan kesihatan tubuh badan, pemeriksaan tekanan darah, pemeriksaan gigi dan lain-lain penyakit. Selain itu, promosi kesihatan berkaitan pengawalan dan pencegahan demam denggi juga dibuat secara berterusan oleh Unit Vektor LPT bersama-sama anggota Pejabat Kesihatan Rompin. Aktiviti ini melibatkan pemberian pamphlet mengenai cara membersihkan kawasan rumah dalam masa 10 minit serta memberi nasihat kepada penduduk berkaitan cara untuk mengawal demam denggi dengan memutuskan kitaran awal nyamuk Aedes.

## **PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

### **Pemungutan Berkesan**

Pengurusan sisa pepejal di Pulau Tioman masih dilaksanakan oleh Lembaga Pembangunan Tioman. Pemungutan dan pengangkutan sisa pepejal di Kg. Tekek dilaksanakan oleh anggota Lembaga manakala di penempatan lain kerja-kerja ini diswastakan kepada JKK kampung yang berkenaan. Sisa pepejal dari kampung Salang, Air Batang, Paya, Genting dan Nipah diangkut dengan bot dan dihantar ke tapak pelupusan Kg. Tekek oleh JKKK berkenaan. Sisa pepejal dari Kg. Juara dibawa ke Kg. Tekek dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda. Sisa pepejal ini kemudiannya diangkut dengan tongkang untuk di lupuskan di tanah besar. Pengurusan sisa pepejal di Kg. Mukut, diuruskan oleh JKK kampung berkenaan dengan pelupusan secara pembakaran atau ditanam di atas tanah persendirian yang disewa oleh JKK kampung.

Pihak Lembaga juga memastikan kerja-kerja penambahbaikan pengurusan sisa pepejal di Pulau Tioman dilakukan secara berterusan. Penambahbaikan ini dibuat melalui pelaksanaan kerja pengangkutan sampah yang baik, cara mengangkat tong ke lori, cara meletakkan semula tong ke tempat asal, membersihkan sampah-sampah yang jatuh di kawasan tong dan sebagainya supaya mutu kerja setiap anggota dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

### **Naik Taraf Sistem Pengangkutan sampah**

Pihak Lembaga juga meneruskan kerja-kerja pemungutan sampah pejal dengan melaksanakan kerja-kerja mengambil besi-besi buruk, tin-tin, perabot-perabot rosak, alat-alat elektrik dan lain-lain sampah pejal kering yang dibuang oleh penduduk di setiap kampung di Pulau Tioman. Dalam tahun ini sampah-sampah pejal di Kg. Air Batang telah dipungut dan diangkut dengan bot perlahan ke sungai Tekek sebelum diangkut ke tapak pelupusan Kg. Tekek.



Pengangkutan sampah-sampah pejal dari Kg. Air Batang ke Kg. Tekek

## Memperbaiki Sistem Pelupusan

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melantik Sumur Mutiara Sdn Bhd bagi projek pembinaan Insinerator baru di Kg. Tekek Pulau Tioman. Kerja-kerja fizikal bagi projek ini telah disiapkan pada 31 Oktober 2013. Insinerator ini dijangka beroperasi dalam tahun hadapan.

## Pelaksanaan Program Kitar Semula, Pengasingan Sampah dan Pendidikan

Pada tahun ini, Pihak Lembaga masih lagi mengekalkan empat lokasi tong-tong kitar semula iaitu di Berjaya Tioman Beach Resort, Pusat Taman Laut, Jabatan Laut dan Paya Beach Resort. Penyelenggaraan tong-tong ini dipantau oleh pihak Lembaga. Selain dari itu dalam tahun ini terdapat



Tong kitar semula di Berjaya Tioman Beach Resort

peningkatan permohonan untuk meletakkan tong kitar semula di antara pengusaha-pengusaha resort/chalet di Pulau Tioman.

# MODAL INSAN

PROGRAM KEUSAHAAN  
ECONOMI DESA  
KEAMATAN KERTANING  
KABUPATEN BANGKALAN

2013  
2014  
2015  
2016  
2017



## MODAL INSAN

### PROGRAM KEUSAHAWANAN

Aktiviti pelancongan merupakan asas utama penglibatan usahawan dalam bidang perniagaan di Pulau Tioman. Bermula dengan penyediaan rumah penginapan, kedai makan, kedai runcit, perkhidmatan bot, sewaan motosikal dan basikal, kedai serbanika, serta kedai kraftangan semuanya merupakan perniagaan berkaitan sektor pelancongan.

Oleh yang demikian, pelbagai cara dilakukan oleh agensi Kerajaan termasuk Lembaga sendiri untuk membantu para usahawan yang sedia ada serta usahawan baru dalam mengembangkan perniagaan mereka. Antara usaha yang telah dilakukan adalah dengan mengadakan kursus-kursus keusahawanan. Bengkel dan juga kursus yang telah diadakan sepanjang tahun 2013 anjuran pelbagai agensi yang dibantu oleh pihak Lembaga adalah seperti dalam jadual 12.

TARIKH	AGENSI	TEMPAT	KURSUS	BIL. PESERTA
4 Jun	Institut Kemajuan Desa (infra), Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	Pesona Island resort dan Peladang Inn	Kursus Peningkatan Ekonomi Masyarakat Pulau Tioman <ul style="list-style-type: none"><li>• Membaiki telefon bimbit</li><li>• Jahitan manik</li><li>• Pertanian moden</li></ul>	Jumlah peserta kesemua kursus adalah seramai 65 orang
12 Nov	Pej.Kementerian Pelancongan Malaysia, Pahang	Dewan Shahzan, Berjaya Tioman Beach, Golf & Spa Resort	Malaysia Welcomes The World: We Are The Host	90 orang

Jadual 12 : Bengkel dan kursus 2013

### EKONOMI DESA

